

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.12.2025 MASA: 11:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
SAMBUTAN HARI KELUARGA MBSP 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT
13 DISEMBER 2025 (SABTU)
12.00 TENGAHARI

TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT, MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tpr Hj Mohd Ridzal Bin Abdul
Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras Hari
Keluarga MBSP 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Tengahari, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada hari yang penuh ceria ini dengan semangat kekeluargaan yang begitu terasa sejak awal pagi lagi bagi meraikan **Sambutan Hari Keluarga MBSP 2025**. Sambutan ini adalah sebuah wadah untuk kita menyuburkan ukhuwah, memupuk semangat kekitaan dan membina kekuatan sebagai satu keluarga besar MBSP.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua hadirin; barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta seluruh warga MBSP bersama keluarga tercinta yang sudi meluangkan masa hadir memeriahkan sambutan kita pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan bahawa MBSP bukan sekadar tempat bekerja, tetapi sebuah keluarga yang besar.
3. Sambutan Hari Keluarga MBSP 2025 dianjurkan bagi memperkukuh silaturrahim sesama warga kerja, menyemai budaya kerja positif, menghargai sumbangan kakitangan serta membina kesejahteraan

mental dan emosi sebagai asas kecemerlangan organisasi ke arah menjadikan MBSP sebuah pentadbiran bandar raya yang lebih cemerlang, berdaya saing dan berorientasikan rakyat.

4. Saya percaya, apabila hubungan sesama warga kerja kukuh, suasana tempat kerja akan lebih harmoni, komunikasi lebih berkesan, dan prestasi organisasi akan meningkat. Inilah semangat yang ingin kita tanam melalui penganjuran Hari Keluarga ini. Kita tidak akan pernah gagal apabila kita melangkah sebagai satu pasukan.
5. Program kita hari ini benar-benar mencerminkan kreativiti dan kepelbagaian warga MBSP. Menara Bandaraya MBSP begitu meriah dengan pelbagai aktiviti yang digemari oleh semua lapisan usia. Antaranya, **Pertandingan Congkak dan Batu Seremban, Batik Canting Kanak-Kanak, Pertandingan Makan Buah, Belon Air, Musang Berjanggut, Kaligrafi Khat, Batik Berirama, Sukan Rakyat, Grab the Cup, Chef Cilik, Tarik Tali dan Karaoke Santai.** Kesemua aktiviti ini dirancang bagi menceriakan suasana, menggalakkan interaksi mesra serta mencipta kenangan manis buat kita semua.
6. Saya juga dimaklumkan bahawa seramai 3,000 orang, terdiri daripada warga MBSP bersama ahli keluarga masing-masing, hadir membanjiri Menara Bandaraya MBSP hari ini. Kehadiran yang amat

memberangsangkan ini membuktikan betapa kuatnya semangat kekeluargaan dalam pentadbiran kita. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan dan menunjukkan komitmen kuat warga MBSP untuk terus bersama dalam apa jua inisiatif organisasi.

7. Bagi memastikan penyediaan makanan pada program hari ini lebih terjamin dan selamat, pihak penganjur turut memberi suntikan **Anti-Typhoid secara percuma** kepada semua penyedia makanan. Usaha ini sangat saya hargai kerana ia menunjukkan kesungguhan kita dalam menitikberatkan keselamatan dan kesihatan warga MBSP. Inisiatif ini bukan sekadar memenuhi keperluan pematuhan, tetapi merupakan tanda keprihatinan kita terhadap kesihatan komuniti MBSP.
8. Saya difahamkan juadah pada hari ini; nasi minyak, gulai daging, ayam masak merah dan air asam disediakan oleh warga MBSP sendiri. Ternyata, kita bukan sahaja hebat dalam melaksanakan amanah perkhidmatan bandar raya, tetapi juga berbakat dalam menyediakan hidangan yang enak dan berkualiti. Syabas dan tahniah saya ucapkan! Inilah keunikan keluarga MBSP; sentiasa kreatif, prihatin dan penuh bakat.
9. Hari ini juga kita akan mengadakan sesi cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah menarik seperti **sebuah motosikal Yamaha LCS 135, microwave, basikal, air fryer, rice cooker, kipas dan banyak**

lagi. Hadiah-hadiah ini bukan sekadar simbol keceriaan, tetapi tanda penghargaan tulus MBSP kepada seluruh warga kerja yang sentiasa komited menjayakan setiap agenda dan misi organisasi. Saya dimaklumkan ramai yang sudah 'berdoa lebih sikit' hari ini; mudah-mudahan rezeki berpihak kepada anda semua!

10. Saya berharap program ini menjadi sumber kegembiraan, mengukuhkan persaudaraan warga MBSP, serta diterjemahkan dalam bentuk kerjasama dan kecemerlangan kerja, di samping mendoakan agar kita semua sentiasa diberi kesihatan, kekuatan dan kesejahteraan dalam melaksanakan amanah membangunkan Seberang Perai.
11. Semoga sambutan ini menjadi wadah untuk kita semua saling mengenali, berkongsi dan menghargai antara satu sama lain, kerana organisasi yang cemerlang lahir daripada keluarga kerja yang kuat, bersatu dan saling menyokong.
12. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, terutamanya Jabatan Perhubungan Komuniti dan persatuan-persatuan yang bertungkus-lumus dalam penganjuran Hari Keluarga MBSP 2025. Semoga ceria, gelak tawa dan memori yang tercipta hari ini menjadi pengikat semangat kita sebagai satu keluarga besar Majlis Bandaraya Seberang Perai. Marilah kita bina MBSP bukan sahaja

sebagai organisasi terbaik, tetapi sebagai keluarga kerja yang menjadi contoh kepada seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.